

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 27 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1132-L1261
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu program atau kurikulum yang dapat memperkasakan minda serta sahsiah pelajar agar menepati aspirasi negara untuk mewujudkan masyarakat minda kelas pertama.
2. PN-1132-L1194
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada benar laporan yang mengatakan bilangan penuntut asing telah berkurangan akibat terdapat IPTS yang menawarkan kursus-kursus yang kurang bermutu dan faktor keselamatan individu tidak terjamin. Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kemerosotan ini.
3. PN-1132-L910
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) apakah bentuk bantuan, penyediaan kemudahan dan pertolongan yang telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada lebih 150,000 orang kurang upaya (OKU) sepanjang tahun 2005; dan
 - (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan Elaun Pekerja Kurang Upaya yang sekarang ini diperuntukkan sebanyak RM200 sebulan, sejajar dengan peningkatan kos keperluan harian berikutan kenaikan harga petrol.

4. PN-1132-L1000
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada memperolehi sebarang latihan keusahawan kepada usahawan-usahawan kaum India atau tidak. Jika ia, apakah bentuk latihan yang disediakan.
5. PN-1132-L1306
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kejayaan dalam mempromosikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang menawarkan "matching grant" kepada golongan yang berpendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan.
6. PN-1132-L1240
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan yang diambil bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat produk dan perkhidmatan halal di dunia. Sejurus dengan itu, bagaimanakah sesebuah produk dan syarikat itu memperolehi sijil dan logo halal dari JAKIM kerana kebanyakan syarikat menggunakan logo yang palsu bagi menarik pelanggan Islam. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi membanterasnya.
7. PN-1132-L978
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa prestasi pasaran saham begitu lembap. Apakah kesan positif terhadap pasaran saham negara di atas cadangan Suruhanjaya Sekuriti (SC) membenarkan syarikat asing bersaiz besar menyenaraikan saham mereka di Bursa Malaysia.
8. PN-1132-L830
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam melibatkan usahawan wanita (khususnya yang terlibat dengan IKS) dalam agenda menarik pelancong berbelanja dan membeli belah di dalam negara melalui program-program yang terdapat di kalendar pelancongan negara.
9. PN-1132-L887
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan satu dasar bagi memelihara dan menyelaras pembangunan landskap negara.
10. PN-1132-L1101
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian mempamerkan semua senjata pertahanan negara kepada umum sebagai contohnya sesuatu perarakan Hari Kemerdekaan di mana sesetengah senjata tersebut perlu menjadi rahsia Kerajaan Malaysia dan kewujudan senjata sulit tersebut hanya perlu diketahui oleh pimpinan utama negara sahaja.

11. PN-1132-L1331
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah syarikat tempatan dan syarikat asing yang telah berdaftar dengan Kerajaan untuk menjalankan industri bio-teknologi dan apakah insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut.
12. PN-1132-L959
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah Badan Bukan Kerajaan (NGO) wanita di negara ini dan sejauh mana peranan mereka dalam membantu masyarakat bagi menangani masalah keganasan rumah tangga. Berapa jumlah kes yang dikenal pasti berkait rapat keganasan rumah tangga pada tahun 2003 hingga 2005 dan berapa jumlah kes penyelesaian bagi keganasan rumah tangga pada tahun 2003 hingga 2005.
13. PN-1132-L1055
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah peruntukan dalam RMK-9 bagi membangunkan sistem pemantauan elektronik dan fizikal untuk menjaga keselamatan negara; dan
 - (b) sila senaraikan nama 3 projek terbesar dan kosnya.
14. PN-1132-L948
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan setakat ini berapa buah syarikat tempatan dan syarikat asing sudah bersetuju melabur di PKFZ dan jumlah FDI ke PKFZ yang telah diluluskan.
15. PN-1132-L1145
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah usaha seterusnya yang dibuat oleh Kementerian bagi mengiktiraf Melaka salah sebuah Bandar Heritage di peta dunia setelah usaha yang dibuat sebelum ini gagal.
16. PN-1132-L1201
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tentang keadaan jurang digital dalam negara pada masa ini terutama antara bandar dan luar bandar dan apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk memperbaiki keadaan untuk jangka masa lima tahun akan datang.

17. PN-1132-L1214
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi kekurangan pengilang-pengilang (SMI) bumiputera mengikuti program SMIDEC umpamanya hanya 20% usahawan bumiputera yang menggunakan kemudahan di SMIDEC berbanding pengusaha dari kaum lain.
18. PN-1132-L1046
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah tertentu yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kejadian tanah runtuh, penerokaan hutan simpan dan pencemaran alam sekitar dapat dibendung ataupun dihentikan agar kejadian-kejadian sedemikian tidak berlaku lagi di masa depan.
19. PN-1132-L924
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah peratus pembuat dasar yang terdiri daripada wanita yang telah dicapai setakat ini.
20. PN-1132-L1175
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis-jenis elaun yang telah dimajukan oleh Kementerian Pertahanan yang diluluskan.
21. PN-1132-L858
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian sedar terdapat sebuah kilang pembuatan roda alloy kereta di Taman Desa Aman yang mencemar udara di sekitar taman itu, Aman Heights, Taman Suria, Sierramas, Valencia, Hospital Sungai Buloh dan kawasan sekeliling lain dan apakah tindakan-tindakan telah diambil agar kilang ini mematuhi undang-undang alam sekitar yang ada.
22. PN-1132-L1147
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah dasar melarang artis atau penyanyi lelaki berambut panjang apabila mengadakan persembahan di TV RTM masih berkuat kuasa. Jika tidak, kenapa pula tidak dikuatkuasakan lagi kerana ini menyentuh soal moral masyarakat yang tidak patut ditonton oleh rakyat.
23. PN-1132-L1122
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) apakah kadar inflasi tertinggi negara yang pernah dicatatkan dan bilakah ia berlaku; dan
 - (b) apakah anggaran purata kadar inflasi negara untuk 12 bulan akan datang dan apakah langkah yang diambil untuk mengawalinya.

24. PN-1132-L1126
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan kuota pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputera ke program Matrikulasi, memandangkan bilangan pelajar yang lulus dengan cemerlang sudah meningkat.
25. PN-1132-L1118
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memperbanyakkan program-program di TV yang menerapkan konsep Islam Hadhari memandangkan dewasa ini program-program seperti tersebut amat berkurangan disiarkan.
26. PN-1132-L1307
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah keuntungan atau kerugian yang dialami oleh syarikat MIMOS Bhd. bagi tahun 2005 dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan di dalam memastikan jenama MIMOS dapat bersaing dengan jenama lain yang bertaraf antarabangsa.
27. PN-1132-L1077
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rasionalnya Laporan J/K Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi di Malaysia memperakukan (70) supaya dimasukkan komponen Pengajian Islam Hadhari di dalam mata pelajaran Tamaddun Islam dan Tamaddun Asia dan dijadikannya sebagai kursus wajib dalam kurikulum pengajian IPT.
28. PN-1132-L851
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terakhir rancangan menyalurkan gas dari Kijal ke Kuala Terengganu, Besut dan seterusnya ke Kelantan.
29. PN-1132-L1012
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah kebenaran MyKad tidak boleh ditiru atau diklon. Adakah kehadiran begitu ramai pendatang tanpa izin yang memegang MyKad berpunca daripada kelemahan mengesan di peringkat penukaran dari Kad Bunga Raya ke MyKad; dan
 - (b) apakah tindakan yang berkesan supaya pendatang tanpa izin yang tidak berhak ini dapat dinafikan keistimewaan rakyat Bumiputera dan hak asasi orang asli di negeri Sabah. (rights of customery Native Rights in Sabah).

30. PN-1132-L1031
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat kepada pekerja-pekerja asing termasuk pelakon, pengarah dan karyawan yang datang membuat penggambaran filem di Malaysia menjadi ahli persatuan-persatuan yang berdaftar mengikut bidang masing-masing sesuai dengan peraturan Padu Citra yang dikuatkuasakan oleh FINAS.
31. PN-1132-L1100
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak Kementerian dalam mendidik para petani agar mengamalkan dasar 'Codes of Good Agricultural Practice' dalam proses penanaman mereka dalam usaha untuk mengurangkan kes pelanggaran Piawaian dan Garis Panduan Antarabangsa (sisa racun serangga dan kontaminasi persekitaran).
32. PN-1132-L867
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenaikan tarif elektrik telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, kini ada ura-ura bahawa tarif elektrik akan dinaikkan lagi, sejauh mana kesahihan ura-ura ini dan apakah implikasinya kepada pengguna.
33. PN-1132-L1198
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan anggota Angkatan Tentera Malaysia mengikut kaum dan cabang perkhidmatan dalam tahun 1985, 1995 dan 2005.
34. PN-1132-L1168
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran pekerja bagi melahirkan pekerja mahir bertaraf dunia dan mempunyai kepelbagaian kemahiran, terdapat begitu banyak Pusat Bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kementerian dan akibatnya ramai pelajar yang menjadi mangsa.
35. PN-1132-L1113
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi membendung penyebaran berita sensasi melalui ucapan tokoh-tokoh politik tertentu melalui media cetak yang kadangkala boleh membawa kepada ketidak stabilan politik dalam negara.

36. PN-1132-L979
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah semua pasport yang telah hilang mengikut kaum antara tahun 2001 hingga Mei 2006 dan apakah strategi dan hukuman bagi pemilik terbukti secara cuai tidak dapat menjaga dokumen terpenting itu daripada hilang. Daripada jumlah tersebut, nyatakan jumlah pemilik pasport yang kehilangan pasportnya melebihi satu kali.
37. PN-1132-L1184
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa bekas-bekas tentera kebanyakannya tergolong dalam golongan miskin dan apakah rancangan Kerajaan untuk menaikkan taraf ekonomi mereka.
38. PN-1132-L1268
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) mempromosikan produk halal di luar negara.
39. PN-1132-L966
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramai graduan Institusi Pengajian Awam dan Swasta memperolehi kerjaya hasil pelaksanaan 'Reach Programme' yang menumpukan latihan soft-skill seperti kepimpinan, kemahiran komunikasi dan keusahawanan.
40. PN-1132-L875
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kualiti sistem komunikasi di Pusat-pusat Latihan Khidmat Negara adalah amat lemah di mana terdapat ramai ibu bapa yang mengadu bahawa tiada jawapan apabila panggilan dibuat. Bila dan adakah sistem komunikasi ini akan dipertingkatkan.
41. PN-1132-L1253
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha Kementerian untuk menarik atau mendorong majikan sektor swasta untuk mencontohi langkah Kerajaan dalam memberikan peruntukan cuti bersalin 60 hari selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kesamaan layanan undang-undang.
42. PN-1132-L1273
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan TNB menghadapi masalah kewangan yang teruk dan berapakah jumlah yang dibayar TNB untuk membeli tenaga daripada pihak IPP.

43. PN-1132-L1066
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah penduduk di Putrajaya mengikut kaum. Adakah Kerajaan bercadang untuk merizabkan tapak bagi tempat ibadat bukan Islam seperti kuil, gereja dan tokong.
44. PN-1132-L824
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan tindakan untuk memperkasa dan melahirkan belia bermindakan kelas pertama seperti yang disuarakan dalam RMK-9.
45. PN-1132-L1220
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sebenarnya peranan Majlis Belia Malaysia dalam menjadi sebuah organisasi induk kepada persatuan belia di Malaysia. Adakah peranan Majlis Belia Malaysia pada hari ini berkesan dalam memajukan belia Malaysia dalam arus pembangunan belia masa kini.
46. PN-1132-L905
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah dari segi kategori jenayah dan mengikut negeri dan juga berapa daripadanya yang telah diselesaikan kerana kadar jenayah semakin meningkat dan telah banyak diperkatakan di surat khabar di dalam dan juga di luar negara yang telah memberi satu gambaran yang buruk kepada negara kita.
47. PN-1132-L1054
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar dari negeri Sarawak yang telah berjaya mendapat biasiswa pendidikan JPA dan sama ada bilangan pelajar dari negeri Sarawak yang telah mendapat biasiswa ini telah meningkat berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.
48. PN-1132-L949
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kadar kegagalan semasa penggunaan "SmartTAG" di lebuh raya, apakah sebab-sebab kegagalan dan langkah-langkah mengatasi masalah ini.
49. PN-1132-L989
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah 'Media Council' tidak diwujudkan sebagai pemantau terhadap etika pengamal media sekarang ini. Bagaimanakah aduan dibuat dan pihak mana yang boleh mengambil tindakan terhadap media jika timbul rasa tidak puas hati orang ramai terhadap kebenaran fakta dan laporan yang disiarkan oleh media di Malaysia.

50. PN-1132-L994
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai cadangan pemberian kemudahan 'SOCISO' bagi kakitangan awam seperti mana yang diberikan kepada kakitangan swasta kerana kini terdapat banyak kemalangan yang berlaku di tempat kerja kakitangan Kerajaan.
51. PN-1132-L1254
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mengambil apa-apa tindakan di dalam mengukur tahap celik IT di kalangan kanak-kanak yang bersekolah dengan tujuan meningkatkan tahap celik IT negara jikalau dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain.
52. PN-1132-L1151
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah wakil dari Kementerian Wilayah Persekutuan tidak diundang menganggotai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan mengapa Menteri atau Timbalan Menteri tidak dibenar turut hadir dalam Mesyuarat Majlis. Apakah alasan sudah ada Datuk Bandar. Tidakkah Majlis sedar peranan Datuk Bandar hanyalah mengenai hal-hal di Kuala Lumpur sahaja sedangkan Kementerian Wilayah Persekutuan mencakupi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
53. PN-1132-L1290
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian memastikan pusat-pusat membeli belah khususnya 'mega malls' melibatkan usahawan IKS dalam aktiviti kalendar pelancongan.
54. PN-1132-L1094
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan agar Kementerian dapat melantik lebih ramai penjawat bukan guru di sekolah-sekolah khususnya jawatan Ketua Pembantu Tadbir di mana secara tidak langsung dapat mengurangkan beban guru-guru dalam melakukan tugas-tugas pentadbiran.
55. PN-1132-L836
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membuat suatu ketetapan melalui undang-undang agar wanita diberi peluang mewakili suara komuniti seperti yang telah dilakukan oleh Korea melalui "The Political Party Act 2004" yang telah memuktubkan peruntukan di mana pencalonan dua orang wanita di dalam pilihan raya setiap kawasan adalah wajib.

56. PN-1132-L1138
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk menyelaraskan gaji pegawai dan kakitangan Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia sama seperti gaji yang diterima oleh kakitangan bank-bank perdagangan yang lain. Jika tidak nyatakan apakah sebabnya.
57. PN-1132-L932
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Universiti-universiti yang lain bercadang seperti Universiti Terbuka Malaysia (OUM) mengadakan Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh (ODL) menggunakan Model Pedagogi Teradun atau "Blended Pedagogi". Apakah kelebihan yang didapati dari program seperti ini.
58. PN-1132-L1186
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan yang akan dipakai oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek RMK-9. Adakah Kementerian-Kementerian akan dipanggil memberi laporan kemajuan dari semasa ke semasa atau hanya dipanggil jika pelaksanaan projek mengalami masalah.
59. PN-1132-L1308
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci (dalam bentuk bilangan projek dan nilai) peratusan atau jumlah bilangan projek Kerajaan yang diberikan melalui tender terbuka dan berapakah pula melalui rundingan terus.
60. PN-1132-L902
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan menerusi Syarikat Prasarana Negara Berhad akan menambah laluan, kekerapan perjalanan dan bilangan kereta api pengangkutan awam Putra Line berikutan peningkatan jumlah penumpang di sekitar Lembah Klang dan berapa banyak kos yang akan terlibat.
61. PN-1132-L1284
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan selain daripada pinjaman kewangan, langkah-langkah Kementerian membangunkan usahawan wanita dan jumlah usahawan wanita yang telah dilahirkan oleh Kementerian setakat ini.
62. PN-1132-L850
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah satu sistem yang lebih baik untuk menilai kemajuan murid-murid yang dapat menggantikan UPSR dan bilakah sistem itu akan diguna pakai.

63. PN-1132-L1106
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kita sering dipuji oleh masyarakat antarabangsa di atas keprihatinan kita di dalam membantu mangsa-mangsa bencana alam di negara jiran. Namun masih terdapat rakyat di negara ini yang masih hidup dalam kedaifan, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam membantu golongan yang daif ini.
64. PN-1132-L1060
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan peniaga-peniaga barang-barang lusuh (Scrap Metal) yang kebanyakan dikendalikan oleh belia berketurunan India tidak akan terjejas bagi menjana ekonomi keluarga memandangkan kini Kerajaan sedang bertindak tegas terhadap perniagaan ini tanpa memberi sebarang alternatif terutama Kerajaan Negeri Selangor. Apakah rancangan atau jalan penyelesaian yang dicadangkan untuk mereka ini bagi terus menjalankan perniagaan ini.
65. PN-1132-L1025
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang bagi menentukan petani-petani kecil dapat faedah daripada dasar-dasar Kerajaan di mana 3 projek besar dalam sektor pertanian yang akan dilaksanakan menerusi RMK-9 iaitu pertanian secara kontrak, pertanian akuakultur dan ternakan secara 'feedlot' memandangkan ketiga-tiga projek ini mampu memberi impak besar terhadap pertanian negara.
66. PN-1132-L881
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah akan ada penambahan atau kenaikan dari segi harga bagi laluan domestik di Sabah atau Sarawak yang diambil alih oleh AirAsia daripada MAS.
67. PN-1132-L999
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kenapakah kadar kemalangan di tempat kerja di Malaysia adalah begitu tinggi iaitu tujuh kematian bagi setiap 100,000 pekerja. Di sektor manakah kadar kemalangan yang tinggi ini berlaku dan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan tahap keselamatan di tempat kerja adalah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh ILO (International Labour Organisation).
68. PN-1132-L1102
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pelbagai tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah salah guna kuasa di kalangan anggota polis. Namun demikian, mengapakah masih terdapat masalah salah guna kuasa di kalangan anggota polis terutamanya masalah saman ekor. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam mengatasi masalah ini.

69. PN-1132-L1023
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menghapuskan sama sekali kegiatan cetak rompak, filem, cakera optik, muzik, lagu dan lain-lain yang berkaitan dengan hak cipta sebuah organisasi atau pun orang perseorangan.
70. PN-1132-L893
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes jenayah berat pada bulan-bulan sukuan pertama tahun ini mengikut kaum.
71. PN-1132-L1071
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan dialog di antara MAS, AirAsia dan Kerajaan bagi mengembalikan status penerbangan domestik pihak MAS di Lapangan Terbang Senai.
72. PN-1132-L1239
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengubah minda dan sikap belia Malaysia untuk melibatkan diri sebagai tenaga buruh bagi mengurangkan pekerja-pekerja asing selain menyediakan pusat latihan bagi mereka ini. Jika pekerja-pekerja asing ini dapat dikurangkan, kadar pengangguran serta masalah sosial juga dapat dikurangkan.
73. PN-1132-L1314
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah jangka panjang untuk mengurangkan kekotoran dan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh sampah sarap yang akan menjejaskan alam sekitar di seluruh negara khususnya di Wilayah Persekutuan.
74. PN-1132-L1329
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan dana lebih daripada RM200 juta untuk membeli tanah pertanian dengan Kerajaan-kerajaan negeri agar lebih ramai petani yang berbilang kaum dapat manfaat dari rancangan ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 11/2006) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** [26 Julai 2006]

2. (D.R. 15/2004) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 **Bacaan Kali Yang Kedua**

DAN

- (D.R. 16/2004) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 “

3. **Menteri Luar Negeri** akan mencadangkan:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

BAHAWA Dewan ingin mengambil maklum mengenai isu pencerobohan Israel ke atas Lubnan dan Palestin serta menyelesaikan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing.

BAHAWA Dewan ini menekankan rejim Israel bertindak kejam dengan memperluaskan operasinya ke atas Lubnan dan Palestin. Apa yang berlaku di Lubnan dan Palestin bukanlah isu keagamaan tetapi jenayah kemanusiaan kerana menyerang orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua. Keadaan ini bertambah parah apabila Israel tidak menghirau kritikan antarabangsa dan terus melakukan pemusnahan termasuklah mengebom Pos Pemantauan PBB di Wilayah Lubnan oleh tentera Israel.

BAHAWA Malaysia mengutuk di atas kezaliman, keganasan dan pemusnahan yang dilakukan oleh rejim Israel ke atas rakyat Lubnan dan Palestin yang mengakibatkan ramai kehilangan tempat tinggal, kerosakan infrastruktur dan kematian.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Menggesa semua pihak untuk tidak mengambil tindakan melulu bagi mengelakkan ramai orang awam, kanak-kanak, wanita dan orang tua menjadi mangsa di dalam kancah peperangan ini. Ianya telah mengakibatkan banyak kemusnahan harta benda dan infrastruktur dan meminta semua pihak agar tidak mengambil tindakan yang membolehkan keadaan kemanusiaan berada di tahap yang lebih rumit dan penuh penderitaan;
- (2) Mengutuk dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan Israel yang terus melakukan pencerobohan di Lubnan dan Palestin dan mengakibatkan ramai rakyat orang awam termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua terbunuh dan hilang tempat perlindungan;
- (3) Meminta agar satu gencatan senjata dapat diadakan dengan sertamerta dan meminta komuniti antarabangsa dan Majlis Keselamatan PBB serta pihak-pihak yang terlibat mematuhi gencatan tersebut di bawah pemerhatian PBB;
- (4) Mendesak agar pihak-pihak yang terlibat menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah serta kemerdekaan Lubnan di bawah kuat kuasa Kerajaan Lubnan seperti yang termaktub di bawah Majlis Keselamatan Resolusi PBB 1664 dan 1680;
- (5) Mendesak Israel dan Palestin untuk kembali kepada proses damai menurut dilaksanakan seperti yang digaris oleh "Quartet Performance-Based Roadmap" kepada "Permanent Two State Solution" terhadap konflik Israel-Palestin seperti yang digaris di bawah Resolusi 1515 Majlis Keselamatan PBB.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.176	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (IAM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	27 Julai 2006
ST.177	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	27 Julai 2006
ST.178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	27 Julai 2006
ST.183	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	27 Julai 2006
ST.188	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	27 Julai 2006
ST.190	Laporan Tahunan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2004	27 Julai 2006